

**Hubungan Antara ICT Dan Pendidikan Kekal Saing - Muhyiddin Bernama
27 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Menteri Pelajaran Tan Sri Muhyiddin Yassin Isnin mengingatkan rakyat mengenai pertikaian hubungan antara teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan pendidikan.

Beliau berkata ICT memang membawa perubahan walaupun penyelidikan lebih 30 tahun masih belum membuat kesimpulan bahawa bidang teknologi itu telah memberi kesan kepada pendidikan.

"Sebaliknya, ia amat korelasi dan ini turut diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).

"Pada 2011, penerbitan badan dunia itu menyatakan bahawa hubungan antara ICT dan pembelajaran pelajar adalah lebih rumit daripada yang berasaskan kepada ketersediaan semata-mata atau penggunaan. Apa yang penting ialah bagaimana ICT digunakan dan apa yang diuji," katanya.

Walaupun begitu, Malaysia tidak mampu mengambil risiko dengan masa depan negara, katanya pada perasmian Persidangan dan Pameran 'The Digital Education Show Asia 2013' di sini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Menteri Pelajaran I Datuk Mary Yap Kian Ching.

Dalam ucapannya, Muhyiddin juga menyatakan nilai dan bahaya 'pengasuh digital' di mana ibu bapa memberi peranti 'tablet' untuk anak-anak mereka seawal usia empat tahun daripada meluahkan masa bersama anak-anak mereka.

"Dalam trend semasa, kanak-kanak seawal usia empat tahun mempunyai 'IPads' dan peranti 'tablet' yang lain yang diberikan oleh ibu bapa sebagai alat pembelajaran. Ini memang di luar jangkaan...mereka menggunakan alat-alat ini tanpa perlu belajar daripada ibu bapa mereka.

"Bagaimanapun, saya berpendapat trend ini mempunyai kedua-dua nilai dan bahaya. Walaupun pembelajaran boleh berlaku dengan penggunaan alat-alat ini tetapi lebih sering ibu bapa menggunakan peranti ini bagi mengalih perhatian daripada meluahkan masa bersama anak-anak mereka," katanya.

Muhyiddin, yang juga Timbalan Perdana Menteri, berkata banyak laporan menyatakan bahawa kanak-kanak bermain permainan dan berinteraksi dalam talian tanpa pengawasan sehingga menyebabkan kanak-kanak ini menjadi ketagih kepada peranti seperti itu.

Beliau berkata jurang antara pembelajaran dan penerimaan adalah paradoks.

"Kita ingin melihat kanak-kanak belajar dengan peranti ini tetapi pada masa sama, kita mahu mereka mengambil kandungan dan aplikasi secara bertanggungjawab dan beretika.

"Oleh itu, saya percaya celik digital adalah penting kerana ia memastikan soal tanggungjawab dan etika sebagai sebahagian daripada warga siber di Malaysia," katanya.

Muhyiddin berkata beliau sedar bahawa ICT dan teknologi berubah pada kadar yang lebih pantas daripada perubahan di peringkat sekolah.

"Oleh itu pendidikan perlu fleksibel dalam menggabungkan ICT di sekolah. Saya juga khuatir bahawa kadar perubahan teknologi mungkin menyebabkan guru-guru sentiasa menjadi pendaatang baru dalam bidang teknologi," katanya.

Bahaya lain seperti cabaran sosial dan etika perlu ditangani, katanya.

"Pelaksanaan jelas dan berstruktur perlu bagi menampung perubahan ini serta menyokong kemasukkan sifat penyertaan teknologi dan masyarakat," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=952313>